

Fax : Bahagian Pentadbiran & Kewangan  
& Pengurusan Estet 2241367  
Bahagian Keselamatan & Kesejahteraan 2225687/2240544  
Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan &  
Perpaduan Masyarakat 2243302/2240541  
Bahagian Pengawalan Hiburan Awam &  
Penerbitan 2240542  
Tel. No. : 2223225/2226285/2227374/2243303  
Email : [info@home-affairs.gov.bn](mailto:info@home-affairs.gov.bn) Website : [www.home-affairs.gov.bn](http://www.home-affairs.gov.bn)



كمتريڤ حل احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
MINISTRY OF HOME AFFAIRS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami :  
Our Reference : [57]dlm.26/2902

10 Syaaban 1447  
29 Januari 2026

Yang Mulia  
**Hoon Chang Siong**  
Curious Mind Enterprise  
B19, 2nd Floor, Gadong Central  
Menglait BB3719  
Negara Brunei Darussalam

Awang,

Dengan hormat sukacita merujuk permohonan Awang bilangan pendaftaran N-2026-000308 bertarikh bersamaan 07 Januari 2026 mengenai dengan hasrat **Curious Mind Enterprise dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam** untuk mendapatkan kebenaran menganjurkan program **Future Leaders Academy (FLY)** yang akan di adakan pada **02 Februari 2026 hingga 13 Februari 2026** bertempat di *Chancellor Hall*, Universiti Brunei Darussalam.

2. Sehubungan dengan ini, sukacita Kementerian ini **mengambil maklum** mengenainya dengan memastikan **TIDAK ADA sebarang aktiviti yang bertentangan dengan tatasusila dan peradaban Negara ini termasuk persembahan muzik ataupun kugiran yang berbentuk heavy metal, persembahan tari menari yang berbentuk disco dan ballroom dance, peragaan fesyen dan kecantikan yang menggunakan model manusia catwalk, persembahan artis luar negeri termasuk sesi bertemu peminat meet & greet the fans, permainan yang berupa perjudian atau games of chance, penjualan tiket dan pengutipan derma** dijalankan.

3. Program tersebut hendaklah dimaklumkan kepada pihak **Pasukan Polis Diraja Brunei** terlebih dahulu dan segala syarat atau peraturan yang dikenakan hendaklah dipatuhi.

4. Dalam pada itu, adalah juga diingatkan bahawa sebarang aktiviti hiburan awam, termasuk latihan atau 'rehearsal', adalah **TIDAK DIBENARKAN** diadakan:

- Pada hari Khamis malam Jumaat;
- Sepanjang siang hari Jumaat sehingga masuk waktu Maghrib; dan
- Bagi menghormati waktu-waktu sembahyang, semua aktiviti hiburan hendaklah dihentikan 15 minit sebelum azan dan hanya boleh disambung semula 30 minit selepas azan berkumandang.



-2-

Sekian disampaikan.

“Memperkasa Pembangunan Prasarana dan Inovasi ke Arah Kemakmuran Negara”

Dengan hormat,


**[NOR HAMIDAH BINTI HAJI HAMIDON]**

Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan)  
b.p. Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri


sk. YM Pesuruhjaya Polis  
Pendaftar dan Setiausaha Universiti Brunei Darussalam

kk(ZM)

# HARI-HARI YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGADAKAN HIBURAN AWAM



## TARIKH-TARIKH DAN WAKTU-WAKTU YANG TIDAK DIBENARKAN MENGADAKAN HIBURAN AWAM

|                                                                                                                                                                  |                                                                                                                    |                                                                                                                             |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <br>1 MUHARRAM<br>AWAL TAHUN HIJRAH                                           | <br>27 REJAB<br>ISRA' MI'RAJ    | <br>1 SYAWAL<br>HARI RAYA AIDIL FITRI    |
| <br>12 RABIULAWAL<br>MAULIDUR RASUL                                           | <br>SEPANJANG BULAN<br>RAMADHAN | <br>10 ZULHIJJAH<br>HARI RAYA AIDIL ADHA |
| <br>SETIAP MALAM JUMAAT DAN SEPANJANG<br>HARI JUMAAT SEHINGGA WAKTU MAGHRIB |                                                                                                                    |                                                                                                                             |

Permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan awam hendaklah dibuat melalui portal Onebiz (<https://onebiz.business.gov.bn>), dengan yuran pendaftaran sebanyak \$5.00.



## SYARAT-SYARAT UNTUK MENGADAKAN AKTIVITI HIBURAN AWAM

### LESEN DAN TAPISAN HIBURAN AWAM

Di bawah Akta Hiburan Awam, Penggal 181, aktiviti hiburan awam yang dibuat di tempat awam (public access) hendaklah mendapatkan lesen.

Acara yang mempunyai persembahan nyanyian, tarian dan sebagainya hendaklah mendapat kebenaran dari Panel Penapisan Filem dan Hiburan Orang Ramai, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pihak penganjur bolehlah berhubung terus dengan Setiausaha Panel Penapisan Filem dan Hiburan Orang Ramai melalui talian 2220542 atau 2223225.

Walaupun bagaimanapun, acara-acara berikut adalah dikecualikan daripada permohonan lesen:

- Acara persendirian yang diadakan secara tertutup untuk jemputan tertentu dan bukan untuk tontonan umum;
- Acara-acara berbentuk kenegaraan dan di bawah naungan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

### BANGUNAN DAN TEMPAT

Bangunan atau tempat hendaklah mempunyai *Fire Certificate* yang sah.

### WAKTU-WAKTU YANG DIJARANG

- Aktiviti hendaklah diberhentikan 15 minit sebelum sehingga 30 minit selepas Azan (Zohor dan Asar), serta bermula 15 minit sebelum Azan Maghrib sehingga 30 minit selepas Azan Isya'.
- Aktiviti hendaklah diberhentikan sebelum 12:00 tengah malam.

### JARAK DARIPADA MASJID/ SURAU/ BALAI IBADAT

Persembahan atau hiburan awam tidak dilakukan 139 meter dari kawasan masjid, surau dan balai ibadat.

### NOTA TAMBAHAN

Sebarang Aktiviti Hiburan Awam hendaklah menghormati kesusila dan falsafah Negara Melayu Islam Beraja; tidak dibenarkan menggunakan bahasa kasar, berpakaian sopan dan sebagainya serta mematuhi Akta dan Peraturan Negara Brunei Darussalam termasuk Akta Pengawalan Pengutipan Derma, Penggal 81.

